

## Terma dan Syarat

Terma dan Syarat “Promosi *Privilege Banking/Wealth Banking CASA Acquisition* ” UOBM *United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (No. Syarikat 271809-K) (“UOBM”) sedang menjalankan “Promosi Privilege Banking/Wealth Banking CASA Acquisition” (“Promosi”) dari 1 April 2019 hingga 30 September 2019 (“Tempoh Promosi”), termasuk kedua-dua tarikh atau tarikh(-tarikh) sedemikian yang mungkin ditentukan oleh UOBM dari semasa ke semasa.*

## Kelayakan

1. Promosi ini dibuka kepada Privilege Banking atau Wealth Banking pelanggan individu UOBM yang baru (“Pelanggan Yang Layak”).
2. Individu seperti berikut tidak layak menyertai promosi ini:
  - 2.1. Pemilikan Tunggal, Perkongsian, Organisasi/Persatuan Amal/Bukan Untung, Pelanggan Korporat dan Komersial;
  - 2.2. Pelanggan *Private Banking* UOBM;
  - 2.3. Individu yang tidak siaman atau menjadi tidak siaman, meninggal dunia, dihukum bankrap atau mempunyai prosiding undang-undang dalam apa-apa bentuk yang dilaksanakan terhadap mereka;
  - 2.4. Akaun CASA yang dipegang dengan UOBM ditamatkan atau ditutup dalam Tempoh Promosi; dan
  - 2.5. CASA Yang Layak dengan UOBM yang dikira delinken atau dikendalikan dengan cara yang tidak memuaskan yang ditentukan oleh UOBM dengan budi bicara mutlak nya
3. Akaun semasa dan/atau simpanan seperti berikut yang dibuka dan dikekalkan dengan UOBM merupakan akaun yang layak di bawah Promosi ini (“CASA yang Layak”):-
  - 3.1. Akaun Privilege;
  - 3.2. Akaun Wealth Premium; dan
  - 3.3. Akaun Stash.

## Kaedah dan Syarat Promosi

4. Semasa Tempoh Promosi, Pelanggan yang Layak akan layak untuk menerima satu (1) hadiah seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah (“Hadiah”) apabila mereka menandatangani jumlah deposit tunggal minimum (“Jumlah Deposit Minimum”) dalam mana-mana satu CASA yang Layak dengan tempoh yang diperuntukkan (“Jumlah yang Diperuntukkan”) seperti Jadual 1 berikut:

Jadual 1:

Kategori Hadiah	Jumlah Deposit Minimum	Tempoh yang Diperuntukkan
Hadiah 1: Beg Duffel Korin	RM100,000	5 bulan
Hadiah 2: Beg Sandang dengan TSA kunci	RM50,000	5 bulan

Wang yang didepositkan di bawah Promosi ini akan diperuntukkan bagi tempoh yang dinyatakan dalam Jadual 1 bermula daripada tarikh penempatan deposit ("Tempoh"). Untuk mengelakkan keraguan, Pelanggan yang layak berhak mendapat satu hadiah bagi setiap jumlah deposit.

5. Terdapat seratus (100) unit Hadiah 1 dan seratus (100) unit Hadiah 2 akan diberikan mengikut dasar yang terdahulu, didahulukan. Pemberitahuan kepada Pelanggan yang Layak mengenai stok Hadiah akan dimaklumkan melalui paparan dalam laman web UOBM atau melalui apa-apa cara lain sedemikian yang mungkin ditentukan oleh UOBM dari masa ke semasa.
6. Semasa Tempoh Promosi, setiap Pelanggan yang Layak hanya berhak untuk menerima maksimum lima (5) unit Hadiah.
7. Jika mana-mana bahagian jumlah yang diperuntukkan telah dikeluarkan (sebahagian atau sepenuhnya) sebelum tarikh akhir Tempoh, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk memberi satu (1) hari notis kepada UOBM dan UOBM berhak untuk menolak jumlah fi yang dinyatakan dalam Jadual 2 di bawah daripada CASA yang Layak bagi setiap Hadiah pada waktu pengeluaran.

Jadual 2

No.	Hadiah	Fi
1.	Beg Duffel Korin	RM365.00
2.	Beg Sandang dengan TSA kunci	RM175.00

8. Jumlah deposit minimum mesti dilakukan dengan Dana Baru sahaja. 'Dana Baru' bermakna wang atau dana dalam Ringgit Malaysia yang dipindah, dikreditkan, atau dibayar daripada bank dan/atau institusi kewangan lain dengan apa-apa cara sekalipun ke dalam akaun Pelanggan yang Layak melalui apa-apa cara termasuk tetapi tidak terhad kepada tunai, pemindahan Giro antara Bank, pemindahan segera antara bank serta pengutipan dan pembayaran cek yang dikeluarkan daripada bank lain dan di mana wang atau dana yang dibayar atau dikreditkan ke dalam akaun Pelanggan yang Layak digunakan oleh Pelanggan yang Layak untuk melakukan penempatan mengikut terma dan syarat yang terkandung di sini dalam tempoh tujuh (7) hari perniagaan selepas wang atau dana sedemikian telah dibayar atau dikreditkan ke dalam akaun Pelanggan yang Layak. Dana yang dipindahkan daripada mana-mana akaun simpanan/semasa/deposit tetap/Mata Wang Asing UOBM yang sedia ada atau dalam bentuk cek, arahan juruwang atau draf permintaan UOBM adalah bukan dana baru dan tidak akan layak untuk Promosi ini.
9. Pelanggan yang Layak perlu mengekalkan dana yang mencukupi dalam CASA yang Layak untuk komitmen kewangan. Jika sebarang potongan daripada CASA yang Layak (contohnya potongan yang dibuat melalui cek, GIRO atau arahan pembayaran yang lain) dikembalikan/ditolak kerana dana yang tidak mencukupi di dalam CASA yang Layak (sama ada disebabkan oleh pengurangan

atau sebaliknya), bank yang berkenaan dan caj berkaitan akan dikenakan dan Pelanggan yang layak akan terus bertanggungjawab untuk caj tersebut.

### **Terma dan Syarat untuk Hadiah**

10. Pelanggan yang Layak boleh mengambil Hadiah (mengikut mana-mana yang berkenaan) pada masa-masa berikut:
  - 10.1. Di cawangan transaksi selepas cek tersebut dijelaskan apabila Pelanggan yang Layak menandatangani Dana Baru dengan cek; atau
  - 10.2. Di Cawangan Transaksi apabila Pelanggan yang Layak menandatangani Dana Baru dalam wang tunai, pada hari yang sama deposit dibuat; atau
  - 10.3. Di cawangan transaksi apabila Pelanggan yang Layak menandatangani Dana Baru melalui Giro Antara Bank (IBG), pada hari kiriman wang dikreditkan ke dalam CASA yang Layak mereka.
  
11. Jika Hadiah tidak tersedia untuk diambil di Cawangan Transaksi, UOBM akan memberitahu tarikh baru kepada Pelanggan yang Layak melalui telefon atau SMS untuk pengambilan di Cawangan Transaksi apabila ia sedia untuk diambil.
  
12. Jika Hadiah tidak lagi disediakan, UOBM berhak untuk mengganti Hadiah tersebut dengan hadiah lain yang mempunyai nilai yang sama atau sepadan, yang ditentukan pada budi bicara tunggal UOBM.
  
13. Gambar Hadiah yang dipaparkan dalam sebarang iklan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain yang berhubung atau berkaitan dengan Promosi ini adalah semata-mata untuk tujuan ilustrasi sahaja dan mungkin tidak menggambarkan warna, atau saiz sebenar Hadiah dan tidak termasuk sebarang alatan, aksesori atau kelengkapan pilihan yang dipaparkan.
  
14. Dalam keadaan pemegang akaun bersama, Hadiah akan diberikan kepada pemegang akaun utama sahaja.
  
15. Wang yang didepositkan di bawah Promosi ini tidak akan layak untuk sebarang promosi UOBM lain dan tiada kadar khas, tambahan atau istimewa yang lain akan diberi di bawah Promosi ini.
  
16. Hadiah adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
  - 16.1. Pengutipan Hadiah adalah di cawangan transaksi oleh Pelanggan yang Layak pada kos dan perbelanjaan mereka sendiri, dan UOBM tidak akan melayan sebarang permintaan untuk menghantar Hadiah melalui kurier.
  - 16.2. UOBM tidak akan bertanggungjawab untuk menggantikan sebarang Hadiah yang rosak atau dicuri selepas Pelanggan yang Layak mengutip Hadiah di cawangan transaksi.

- Hadiah tidak boleh dipindah milik atau ditukar secara sebahagian atau keseluruhan untuk wang tunai atau barangan lain.
- 16.3. UOBM tidak melakukan perwakilan atau jaminan berkaitan dengan Hadiah, dan khususnya, tidak melakukan jaminan berkaitan dengan kualiti Hadiah atau kesesuaiannya untuk sebarang tujuan.
  - 16.4. UOBM tidak mempunyai perkaitan dengan organisasi di mana produknya telah disediakan sebagai Hadiah dalam Promosi ini.
  - 16.5. UOBM berhak untuk mengganti atau mengubah Hadiah dengan hadiah lain pada bila-bila masa pada budi bicaranya dengan pemberian notis terlebih dahulu, walaupun nilai hadiah tersebut adalah sama atau sepadan dengan nilai Hadiah.
  - 16.6. UOBM tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kerosakan atau ketidakpuasan hati dengan Hadiah.
  - 16.7. Hadiah adalah tertakluk kepada terma dan syarat organisasi di mana produknya telah disediakan sebagai Hadiah dalam Promosi ini.

#### **Terma dan Syarat Am**

17. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk diikat oleh Terma dan Syarat ini serta Terma dan Syarat yang mentadbir CASA yang Layak, termasuk sebarang pemindaan atau perubahan kepadanya.
18. Pelanggan yang Layak dengan ini mengakui dan bersetuju bahawa keputusan UOBM berkaitan dengan apa-apa perkara berhubung dengan Promosi ini adalah muktamad, konklusif dan akan mengikat Pelanggan yang Layak. Sebarang rayuan atau surat-menyurat daripada mana-mana Pelanggan yang Layak tidak akan dilayan.
19. UOBM tidak akan bertanggungjawab dan tidak menerima sebarang liabiliti dalam apa-apa bentuk dan bagaimana sekalipun timbul atau dialami oleh Pelanggan yang Layak yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung oleh Promosi ini .
20. UOBM tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang salah nyata atau salah nyata fakta oleh mana-mana pihak ketiga yang tidak dibenarkan berkenaan dengan Promosi ini dan/atau Hadiah di mana yang diterbitkan dalam mana-mana media, bahan pemasaran atau pengiklanan.
21. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, UOBM dengan jelas mengecualikan dan menafikan sebarang perwakilan, jaminan atau pengendorsan, secara nyata atau tersirat, bertulis atau lisan, tanpa had kepada perkara yang diterbitkan dalam mana-mana media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan, termasuk tetapi tidak terhad kepada, sebarang jaminan kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian untuk tujuan tertentu berkenaan dengan Promosi ini dan Hadiah di bawah Promosi ini.

22. Jika terdapat sebarang percanggahan di antara Terma dan Syarat ini dan sebarang pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain berkaitan dengan atau berhubung dengan Promosi ini, Terma dan Syarat ini akan digunapakai.
23. UOBM berhak pada budi bicara mutlakanya untuk membatalkan, menarik balik, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Promosi ini sebelum tarikh akhir Tempoh Promosi, secara keseluruhan atau sebahagian, pada bila-bila masa dengan pemberian notis terlebih dahulu. Bagi mengelakkan keraguan, pembatalan, penarikan balik, penggantungan, perlanjutan atau penamatan Promosi ini oleh UOBM tidak memberikan hak kepada Pelanggan yang Layak untuk melakukan sebarang tuntutan atau pampasan terhadap UOBM untuk sebarang dan semua kerugian atau ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan yang Layak sama ada diakibatkan secara langsung atau tidak langsung daripada pembatalan, penarikan balik, penggantungan, perlanjutan atau penamatan sedemikian.
24. UOBM berhak untuk menambah, mengeluarkan atau mengubah Terma dan Syarat ini dari semasa ke semasa, secara keseluruhan atau sebahagian, pada budi bicara mutlakanya dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada Pelanggan yang Layak melalui paparan pada laman web UOBM, memaparkan notis di mana-mana cawangan UOBM, pernyataan yang dimasukkan ke dalam Penyata Akaun atau apa-apa cara lain yang ditentukan oleh UOBM dari semasa ke semasa.
25. CASA yang Layak akan mendapat perlindungan oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). UOBM adalah ahli PIDM.
26. Terma dan Syarat ini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan yang Layak bersetuju untuk menyerah kepada bidang kuasa tidak eksklusif mahkamah Malaysia.

*[TAMAT]*